Sujay Raghavan a/l Vijayaraghavan lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44-07-06-TAHUN 2014
AHMAD NASFY PK
6 NOVEMBER 2014

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran dadah — Pemohon ditahan di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 — Timbalan Menteri Dalam Negeri berpuas hati bahawa pemohon perlu ditahan selama dua tahun — Sama ada pemohon ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang melibatkan pengedaran dadah — Sama ada penahanan sah — Sama ada percanggahan dalam afidavit-afidavit pegawai yang menyediakan alasan bagi perintah tahanan menyebabkan afidavit-afidavit defektif — Sama ada terdapat ketidakpatuhan s 9 Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada berlaku ketidakpatuhan k 5 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987

Dalam permohonan ini, pemohon memohon suatu perintah di bawah s 365(1) Kanun Acara Jenayah bahawa tahanannya di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta') tidak sah dan terbatal. Timbalan Menteri Dalam Negeri ('TMDN) di dalam afidavit jawapannya (lampiran 4) menyatakan telah berpuas hati bahawa pemohon perlu ditahan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah ('PPA Batu Gajah') kerana terdapat bukti-bukti yang menunjukkan pemohon pernah ada kaitan dengan aktiviti yang berhubung dengan atau yang melibatkan dengan pengedaran dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta Dadah berbahaya 1952 ('Akta') iaitu mengedar dadah berbahaya jenis syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis metamfetamin. Pemohon telah menimbulkan tiga isu bagi mencabar perintah tahanan tersebut yang dikatakan tidak mematuhi peruntukan undang-undang di mana pemohon ditahan dan melanggar perkara 151 Perlembagaan Persekutuan iaitu sama ada percanggahan fakta di dalam afidavit-afidavit pegawai yang menyediakan alasan bagi perintah tahanan menyebabkan afidavit-afidavit defektif; sama ada berlaku ketidakpatuhan s 9 Akta; dan sama ada berlaku ketidakpatuhan k 5 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosidur Lembaga Penasihat) 1987.

Diputuskan:

(1) Permohonan habeas korpus adalah suatu kes yang boleh dikategorikan sebagai kuasi sivil dan kuasi jenayah. Perbicaraan permohonan habeas korpus adalah berasaskan kepada keterangan afidavit. Tiada mana-mana peruntukan dalam Akta mahupun Kaedah-Kaedah yang menyentuh tentang prosedur pemfailan afidavit. Justeru, mahkamah wajarlah mengguna pakai A 41 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') (lihat perenggan 9).

(2) Berdasarkan A 41 k 4 KKM 2012, adalah ternyata bahawa kebenaran mahkamah boleh diperolehi jika sesuatu pihak hendak menggunakan afidavit yang tidak teratur bentuknya ('irregular in form'). Ini kerana selaras dengan A 92 k 4 mahkamah mempunyai bidangkuasa yang sedia ada untuk memberi kebenaran jika difikirkan perlu untuk mencegah ketidakadilan atau penyalahgunaan proses mahkamah (lihat perenggan 10).

(3) Walaupun afidavit-afidavit pembetulan ditolak atas alasan tidak mendapat kebenaran mahkamah sebelum pemfailannya, mahkamah harus melihat kepada keseluruhan fakta yang dideposkan dalam afidavit-afidavit yang sedia ada bagi menentukan isu ketidakpatuhan prosedur yang dibangkitkan oleh pemohon (lihat perenggan 16).

(4) Walaupun akuan penerimaan bukan suatu keperluan undang-undang namun terdapat nas undang-undang yang menyatakan bahawa akibat ketiadaan akuan penerimaan tersebut menjadikan representasi pemohon tidak bermakna. Tiada sebarang ketidakpatuhan prosedur telah dilakukan oleh responden kerana apa yang penting, Borang 11 telah diserahkan kepada pemohon dan pemohon telah hadir bersama peguamnya pada tarikh prosiding representasi yang dijalankan di hadapan Lembaga Penasihat. Justeru itu isu ini ditolak (lihat perenggan 23).

[English summary

In this application, the applicant applied for an order under s 365(1) of the Criminal Procedure Code alleging that his arrest under s 6(1) of the Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) 1985 ('the Act') was invalid and void. The Deputy Interior Minister ('TMDN') in his affidavit in reply ('encl 4') voiced his dissatisfaction that the applicant must be arrested for two years at the Batu Gajah Rehabilitation Centre ('PPA Batu Gajah') as there were evidence that the applicant had an association with drug-related activities or was involved in trafficking in dangerous drugs as defined under s 2 of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') which was trafficking in syabu which was said to contain the dangerous drugs methamphetamine. The applicant also raised three issues to challenge the said arrest order which was alleged to be non-compliant of the provisions of law whereby the applicant was arrested and had breach art 151 of the Federal Constitution which was whether there was

contravention of facts in the affidavits of the officers who had prepared the reasons for the arrest order, causing them to be defective; whether there was non-compliance of s 9 of the Act and whether there non-compliance of r 5 of the Rules of the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) (Advisory Board Procedure) 1987.

Held:

(1) A habeas corpus is a case which could be categorised as quasi-civil and quasi-criminal. A habeas corpus application is based on the evidence of affidavit. There are no provisions in the Act nor the Rules which touched on the procedure of the filing of affidavit. Hence, the court ought to apply O 41 of the Rules of Court 2012 ('ROC 2012') (see para 9).

(2) Based on O 41 r 4 of the ROC 2012, it was clear that the court's leave could be obtained if one of the parties opted to use an affidavit that is irregular in form. This is because, consistent with O 92 r 4, the court had inherent jurisdiction to grant leave if it sees fit to prevent injustice or abuse of court process (see para 10).

(3) Even though the corrective affidavits were dismissed on the ground that they did not obtain the leave of court before filing, the court must look at the facts deposed in the available affidavits as a whole in order to determine the issue of non-compliance of procedure raised by the applicant (see para 16).

(4) Even though acknowledgment of receipt is not a requirement under the law, there were legal authorities which state that the consequent of the absence of acknowledgment of receipt renders the applicant's application meaningless. There was no non-compliance of procedure by the respondent as what was important was that Form 11 was handed to the applicant and the applicant was present together with his counsel on the date of the representation proceeding was carried out before the Board of Advisors. Hence, this issue was dismissed (see para 23).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengedaran dadah, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 763–910.

Kes-kes yang dirujuk

Gan Thing Phing v Ong Gek Kim (No 2) [1999] 7 CLJ 146, HC (refd)
Salutary Avenue v Malaysia Shipyard [2000] 7 MLJ 620, HC (refd)
Murugan Supparamaniam v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 4 MLJ 488; [2010] 4 CLJ 405, FC (refd)
Che Wan Lukman bin Che Wan Mansor v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2012] MLJU 1033, HC (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) ss 2, 6(1), 9(1)
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 41 K 4, A 92 K 4
Kaedah- Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosidur Lembaga Penasihat) K 5
Kanun Tatacara Jenayah s 365(1)

Baljit Singh (Shukor Baljit & Partners) bagi pihak pemohon.
Suzanne a/k Tiyon Bimen (Peguam Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Ahmad Nasfy PK:

PENDAHULUAN

[1] Pemohon melalui notis usul di lampiran 1 telah memohon untuk suatu perintah di bawah s 365(1)Kanun Tatacara Jenayah bahawa tahanannya di bawah s 6(1)Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) ('Akta tersebut') adalah tidak sah dan terbatal.

[2] YB Timbalan Menteri Dalam Negeri ('TMDN') di dalam afidavit jawapannya (lampiran 4) perenggan 7, menyatakan telah berpuas hati bahawa pemohon perlu ditahan selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah ('PPA Batu Gajah') mulai 14 Februari 2014, kerana terdapat bukti-bukti yang menunjukkan pemohon pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung dengan atau yang melibatkan dengan pengedaran dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta Dadah berbahaya (Akta 234) iaitu mengedar dadah berbahaya jenis syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis metamfetamin seperti yang tersenarai di bawah Jadual Pertama Bahagian III Akta Dadah Berbahaya (Akta 234).

[3] Seksyen 6(1) Akta menyebut seperti berikut:

> 6 Power to order detention and restriction of persons
>
> (1) whenever the Minister after considering
>
> The complete report of investigation submitted under subsection (3) of section 3 and;
>
> The report of the inquiry officer submitted under subsection (4) of section 5
>
> Is satisfied with respect any person that such person has been or is associated with any activity relating to an involving the trafficking in dangerous drug, the Minister may, if he satisfied that it is necessary in the interest of public order that such person be detained, by Order (hereinafter referred to as a 'detention order') direct that such person be

A detained for a period not exceeding two years

[4] Peguambela terpelajar telah menimbulkan tiga isu bagi mencabar perintah tahanan tersebut yang dikatakan tidak mematuhi peruntukan undang-undang di mana pemohon ditahan dan melanggar Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

B

ISU-ISU

[5] Isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

C

(a) sama ada percanggahan fakta di dalam afidavit-afidavit pegawai yang menyediakan alasan bagi perintah tahanan menyebabkan afidavit-afidavit defektif;

D

(b) sama ada berlaku ketidakpatuhan s 9 Akta; dan

(c) sama ada berlaku ketidakpatuhan Kaedah 5 (Kaedah- Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosidur Lembaga Penasihat).

E

[6] Mahkamah telah mengarahkan pihak-pihak menyediakan rangka hujahan bertulis dan membuat hujahan lisan semasa perbicaraan. Tiga hari sebelum tarikh perbicaraan yang ditetapkan pada 16 Oktober 2014, peguam persekutuan Cik Suzanne ak Tiyan Biman telah memfailkan afidavit pembetulan (lampiran 18) kepada afidavit Datuk Dr Haji Wan Junaidi bin Tunku Jaafar dan afidavit pembetulan lampiran 19 Insp Samsualan bin Samsudin yang diikrarkan pada 25 Ogos 2014.

F

[7] Peguambela terpelajar, Datuk Baljit Singh Sidhu telah membantah akan penerimaan masuk afidavit-afidavit tersebut atas alasan bahawa kebenaran mahkamah perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum memfailkan afidavit-afidavit tersebut dimana peguam persekutuan yang terpelajar telah gagal untuk berbuat demikian. Peguam persekutuan menyerahkan kepada budi bicara mahkamah sama ada menerima atau tidak kemasukan afidavit-afidavit pembetulan tersebut sebaliknya beliau memohon supaya mahkamah melihat kepada keseluruhan afidavit-afidavit yang telah difailkan sebelum memutuskan permohonan pemohon atas alasan bahawa dua afidavit pembetulan tersebut hanyalah membetulkan kesilapan menaip sahaja dan bukannya melibatkan suatu ketidakpatuhan prosidur.

G

H

I

[8] Peguambela terpelajar seterusnya berhujah bahawa afidavit-afidavit tersebut khususnya afidavit yang diikrarkan oleh YB TMDN di lampiran 4 perenggan 10 jika dibandingkan dengan afidavit pembetulan di lampiran 18 perenggan 10 bukanlah suatu kesilapan menaip tetapi sebaliknya ianya

merupakan suatu 'fundamental defect' yang termasuk di dalam ketidakpatuhan prosidur.

KEPUTUSAN BANTAHAN AWAL

[9] Mahkamah berpendapat bahawa permohonan habeas korpus adalah suatu kes yang boleh dikategorikan sebagai kuasi sivil dan kuasi jenayah. Perbicaraan permohonan habeas korpus adalah berasaskan kepada keterangan afidavit. Tiada mana-mana peruntukan di dalam Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 mahupun Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosidur Lembaga Penasihat) 1987 yang menyentuh tentang prosidur pemfailan afidavit.

Justeru, mahkamah wajarlah mengguna pakai A 41 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah ('KKM 2012') yang dibacakan seperti berikut:

> Use of defective affidavit (O 41 r 4)
>
> 4. An affidavit may, with the leave of the court, be filed or used in evidence notwithstanding any irregularity in the form thereof.

[10] Berdasarkan A 41 k 4 KKM2012 adalah ternyata bahawa kebenaran mahkamah boleh diperolehi jika sesuatu pihak hendak menggunakan afidavit yang tidak teratur bentuknya ('Irregular in form'). Ini kerana selaras dengan A 92 k 4 mahkamah mempunyai bidangkuasa yang sedia ada untuk memberi kebenaran jika difikirkan perlu untuk mencegah ketidakadilan atau penyalahgunaan proses mahkamah.

[11] Berbalik kepada bantahan awal peguambela terpelajar, mahkamah setelah meneliti afidavit YB TMDN di lampiran 4 perenggan 10 dan afidavit pembetulan di lampiran 18 perenggan 10 mendapati bahawa fakta yang menjadi isu adalah suatu fakta material yang berkait rapat dengan ketidakpatuhan prosidur. Secara ringkas fakta material yang dikatakan bercanggah tersebut adalah seperti berikut:

> Afidavit lampiran 4 perenggan 10 di baris 1–3 menyatakan:
>
> > Seterusnya saya telah mengarahkan pegawai saya bernama Munira binti Mohd Yasser Yoga menyediakan pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya saya membuat Perintah Tahanan tersebut ...
>
> Manakala afidavit perenggan 10 baris 4 pula menyatakan:
>
> > Nabillah Rashidah bt Abdul Kadir kemudiannya melaksanakan arahan saya tersebut dengan menyediakan 3 salinan Perintah Tahanan dan 3 salinan pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya saya membuat Perintah tahanan tersebut ...

[12] Adalah menjadi suatu fakta bahawa Nabillah Rashidah bt Abdul Kadir bukanlah seorang pegawai yang diberi kuasa untuk menyediakan alasan-alasan bagi perintah tahanan bertarikh 14 Februari 2014 kerana beliau tidak menerima arahan langsung daripada YB TMDN. Berdasarkan hal keadaan ini, mahkamah memutuskan seperti berikut:

(a) afidavit pembetulan yang difailkan 3 hari sebelum tarikh perbicaraan tanpa kebenaran mahkamah adalah ditolak kerana cacat dan bukan semata-mata tidak teratur (*irregularities*) (rujuk kes *Gan Thing Phing v Ong Gek Kim (No 2)* [1999] 7 CLJ 146 di ms 151, *Salutary Avenue v Malaysia Shipyard* [2000] 7 MLJ 620)

(b) seseorang yang diberi perwakilan kuasa tidak boleh mewakilkan kuasa tersebut kepada seorang yang lain (rujuk P Ramanathan Aiyar's *The Law Lexicon The Encyclopedia Law Dictionary with Legal maxims, Latin Terms and Words & Phrases* ms, 529 *Delegatus non potest delegare*, A maxim meaning 'Delegation cannot be made by a delegate' (Broom) A delegate cannot delegate. A delegated power cannot be further delegated (Latin for lawyers)

(c) fakta yang yang dideposkan bukanlah suatu kesilapan menaip. Sebaliknya ianya merupakan suatu pembetulan isi fakta yang material. Menurut KJ Aiyer's Judicial Dictionary–A complete Law Lexicon Fourteen Edition, definisi *clerical error* adalah 'An ordinary mistake made by a clerk in copying a legal document'. The court may itself correct it without the motion of the parties.

Dalam kes *Murugan Supparamaniam v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 4 MLJ 488; [2010] 4 CLJ 405 di ms 409 diputuskan:

Held (6) Before concluding there is an observation we would make over a considerable period of time this court has had to issue habeas corpus solely on the ground that the affidavit evidence filed on behalf of the detaining authority is seriously defective or in material conflict with other affidavits filed in opposition to the detenu's application. The fault lies with those responsible for setting the affidavits in not ensuring that the facts have been properly ascertained. It is a matter of pure amazement that federal counsel in the Home Ministry are unconcerned with the contents of the evidence settled by them. If they find that there is indeed a conflict between witnesses whose written evidence they will seek to rely upon in support of the contention order it is their plain duty to advise accordingly. It is certainly not their function to file conflicting evidence and then to seek justification for the detention order. The sooner this type of indifference is addressed the sooner such cases as the present will end.

[13] Berdasarkan alasan-alasan di atas adalah diputuskan bahawa afidavit pembetulan lampiran 18 yang difailkan oleh YB TMDN adalah defektif dan

ditolak. Seterusnya bantahan awal peguambela terpelajar ke atas penerimaan afidavit pembetulan di lampiran 18 dibenarkan.

[14] Berkenaan afidavit pembetulan Insp Samsualan bin Samsudin di lampiran 19, peguam persekutuan berhujah bahawa pembetulan tersebut hanyalah berkaitan kesilapan tarikh perintah tahanan diserahkan kepada pemohon. Dalam afidavit di lampiran 14 perenggan 25 dinyatakan tarikh tersebut ialah pada 12 Februari 2013 tetapi tarikh sebenarnya adalah 14 Februari 2014. Ini hanya merupakan kesilapan menaip. Peguambela terpelajar juga bersetuju dengan hujahan tersebut. Justeru, mahkamah menggunakan kuasa yang sedia ada (*inherent power*) di bawah A 92 KKM 2012 untuk menerima afidavit pembetulan tersebut.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[15] Dalam permohonan ini tiga isu ketidakpatuhan prosidur telah dibangkitkan oleh peguambela terpelajar bagi mencabar ketaksahan perintah tahanan bertarikh 14 Februari 2014.

Isu (a): Sama ada percanggahan fakta dalam afidavit yang diikrarkan oleh YB TMDN di lampiran 4 perenggan 10 dan afidavit pembetulan di lampiran 18 perenggan 10 juga afidavit suatu yang material menyebabkan afidavit tersebut defektif.

[16] Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam persekutuan terpelajar bahawa walaupun afidavit-afidavit pembetulan ditolak atas alasan tidak mendapat kebenaran mahkamah sebelum pemfailannya, mahkamah harus melihat kepada keseluruhan fakta yang dideposkan dalam afidavit-afidavit yang sedia ada bagi menentukan isu ketidakpatuhan prosidur yang dibangkitkan oleh peguambela terpelajar.

[17] Peguam persekutuan terpelajar telah menyedari terdapatnya percanggahan fakta diafidavit YB TMDN di lampiran 4 perenggan 10 baris 1–3 dan 4. Atas sebab tersebut maka afidavit pembetulan di lampiran 18 difailkan.

Seterusnya atas bantahan awal oleh peguambela terpelajar dan setelah mendengar hujah lisan kedua pihak, mahkamah memutuskan untuk menolak afidavit pembetulan di lampiran 18 seperti dinyatakan dalam alasan di perenggan 12(I)(II) dan (III). Justeru pihak responden-responden hanya boleh bergantung kepada afidavit-afidavit yang sedia ada iaitu di lampiran 4 afidavit yang diikrarkan oleh YB TMDN.

[18] Mahkamah telah memeriksa fakta-fakta yang dideposkan dalam afidavit tersebut khususnya di perenggan 10 baris 1–3 dan 4 dan

membandingkannya dengan afidavit yang diikrarkan oleh Nabillah Rashidah bt Abdul Kadir di lampiran 7 perenggan 1–3, 4 dan 6. Adalah didapati suatu percanggahan yang amat ketara berkenaan siapakah yang sebenarnya diarahkan oleh YB TMDN untuk menyediakan perintah tahanan dan pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat. Adakah Munira bin Mohd Yasser Yoga atau Nabillah Rashidah bt Abdul Kadir yang diarahkan oleh YB TMDN. Persoalan ini tidak dijawab menyebabkan timbul keraguan atas keesahan perintah tahanan tersebut. Justeru mahkamah memutuskan bahawa terdapat kecacatan kepada perintah tahanan tersebut menyebabkan perintah tersebut tidak sah dan terbatal.

Isu (b): Sama ada berlaku ketidakpatuhan seksyen 9 Akta iaitu penyampaian Perintah Tahanan dan dokumen-dokumen yang disertakan bersama dilakukan pada masa 'ungodly hour' dan tiada akuan penerimaan dikemukakan bagi membuktikan penyampaian yang sempurna.

[19] Seksyen 9(1)Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) menyatakan:

> (1) A copy of every order made by the Minister under subsection (1) of section 6 shall as soon as may be after the making thereof be served on the person to whom it relates, and every such person shall be entitled to make representation to an Advisory Board.

[20] Peguambela terpelajar berhujah bahawa penyerahan perintah oleh Insp Samsualan bin Samsuddin pada jam 10.50 malam 14 Februari 2014 telah melanggar k 20 Kaedah-Kaedah Lokap (LN 328/1958) yang menyatakan:

> 20. Waktu berehat
>
> Banduan-banduan akan dikurung pada waktu malam pada pukul 6.30 petang dan akan bangun siap berpakaian pada pukul 6.30 pagi.

Justeru penyerahan perintah tersebut tidak sempurna.

[21] Mahkamah tidak dapat bersetuju dengan peguambela terpelajar kerana Insp Samsualan dalam afidavitnya di lampiran 14 perenggan 29 baris 4 telah menjelaskan kenapa perintah tersebut diserahkan pada jam 10.50 malam 14 Februari 2014 yang disahkan diterima oleh pemohon dengan menandatanganinya. Penjelasan bahawa perintah tersebut hanya diterima pada malam 14 Februari 2014 adalah munasabah dan selari dengan peruntukan s 9(1)Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) yang menghendakinya diserahkan dalam kadar segera yang boleh. Justeru diputuskan bahawa isu ini ditolak.

Isu (c): Sama ada berlaku ketidakpatuhan Kaedah 5 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosidur Lembaga Penasihat) 1987

[22] Kaedah 5 menyatakan: **A**

> 5(1) Subject to the provision of this Act, when any representation is received by the secretary, the Chairman shall appoint time and place for the consideration of the representation by the Board and shall cause a notice thereof in 20 Form 11 in the Schedule to be served on the detained person and his advocate if such advocate is named in Form I. **B**

[23] Peguambela terpelajar berhujah bahawa akuan penerimaan Borang II tidak dikemukakan oleh responden. Ini kerana afidavit oleh setiausaha kepada lembaga penasihat di lampiran 6 hanya tanpa akuan penerimaan oleh pemohon. Walaupun akuan penerimaan bukan suatu keperluan undang-undang namun terdapat nas undang-undang yang menyatakan bahawa akibat ketiadaan akuan penerimaan tersebut menjadikan representasi pemohon tidak bermakna (kes *Che Wan Lukman bin Che Wan Mansor v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2012] MLJU 1033) **C** **D**

[24] Mahkamah berpendapat bahawa tujuan mendapatkan akuan penerimaan bukanlah untuk mematuhi mana-mana kaedah berkaitan memperolehi akuan penerimaan tersebut tetapi ia bertujuan untuk membuktikan penyerahan notis-notis yang diperlukan telah dibuat ke atas orang yang ditahan. **E**

[25] Puan Mastura binti Abu Bakar dalam afidavitnya di lampiran 6 di perenggan 5,6 dan 8 telah menyerahkan notis pendengaran representasi (Borang 11) kepada pemohon pada 11 Mac 2014 jam 9 pagi di PPA Batu Gajah. Pada tarikh persidangan 11 Mac 2014 pemohon telah hadir tetapi kes ditangguhkan atas permintaan pemohon untuk melantik peguam. Pihak lembaga penasihat telah memaklumkan kepada pemohon tarikh baru. Persidangan representasi pada 25 Mac 2014 jam 9 pagi di tempat yang sama dan Borang 11 sekali lagi dikeluarkan (eks MAB2). Pada 25 Mac 2014 prosiding representasi telah didengar oleh lembaga penasihat dengan kehadiran pemohon dan peguam. **F** **G**

[26] Merujuk kepada fakta yang dideposkan, mahkamah berpendapat tiada sebarang ketidakpatuhan prosidur telah dilakukan oleh responden kerana apa yang penting Borang 11 telah diserahkan kepada pemohon dan pemohon telah hadir bersama peguamnya pada tarikh prosiding representasi yang dijalankan dihadapan lembaga penasihat. Justeru isu ini juga ditolak. **H**

KESIMPULAN **I**

[27] Sebagai rumusan mahkamah memutuskan bahawa isu II dan III tiada merit tetapi kedapatan perselisihan fakta dalam isu I mengenai siapa yang menyediakan perintah tahanan dan pernyataan mengenai alasan yang atasnya

perintah itu dibuat menyebabkan afidavit di lampiran 4 cacat dan defektif. Justeru perintah tahanan tersebut menjadi tidak sah dan terbatal.

Dengan itu mahkamah membenarkan permohonan habeas korpus melalui notis usul di lampiran 1 dan memerintahkan bahawa pemohon dilepas dan dibebaskan.

Perintah selanjutnya.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor